

Kedah rancang bina tebatan banjir RM984 juta

Oleh SHAHRIZA ABDULLAH

ALOR STAR 21 Jan. - Kerajaan Kedah merancang untuk membina projek tebatan banjir dengan kos dianggarkan RM984 juta bertujuan mencegah bencana itu di negeri ini pada masa depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, ia kini di peringkat penyediaan kajian pelan induk melibatkan enam batang sungai di tiga daerah di negeri ini

yang mempunyai keluasan 3,765 kilometer persegi.

Beliau berkata, ia akan dibina di Lembangan Sungai Anak Bukit, Sungai Pendang, Sungai Limau, Sungai Bata, Sungai Padang Terap dan Sungai Baru yang terletak di daerah Kota Star, Kubang Pasu dan Pendang.

"Kerajaan negeri berharap Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakannya," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika

menyampaikan ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat negeri Kedah pada Istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah Ke-79 di sini, hari ini.

Pada pertengahan Disember 2005, penduduk di negeri ini dianggarkan mengalami kerugian harta benda RM19 juta apabila utara Semenanjung dilanda ban-

jir dan disifatkan paling buruk dalam tempoh tiga tahun.

Bencana alam itu yang sekali lagi melanda negeri ini pada penghujung Oktober tahun lalu pula menyaksikan kira-kira 16,000 hektar sawah padi musnah sehingga menyebabkan kerugian bernilai berjuta-juta ringgit.

Mengenai Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007, Mahdzir memberitahu, Kedah akan menganjurkan beberapa acara peringkat antarabangsa bagi merai-

kan kunjungan pelancong tempatan dan asing.

Beliau berkata, acara antara-bangsa seperti Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi, Festival Filem Antarabangsa Langkawi dan Pesta Air Peringkat Kebangsaan akan diadakan di Langkawi.

"Semua acara ini merupakan persiapan awal kerajaan negeri untuk menjayakan sambutan Tahun Melawat Kedah pada tahun depan," katanya.

um 22/1/07